

# Peminjam PTPTN dalam senarai CCRIS boleh beli rumah pertama

**Kuala Lumpur:** Peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang disenarai dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS), boleh membeli rumah pertama tidak lama lagi.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata pengecualian berkenaan bagaimanapun hanya untuk pembelian rumah pertama dan bukan terhad untuk skim perumahan di bawah kementeriannya sahaja.

Katanya, inisiatif itu yang akan dilancarkan bersama skim lain untuk perumahan belia pada 18 Oktober ini dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, bagi membolehkan generasi muda memiliki rumah sendiri.

"Ia membabitkan pembelian semua jenis perumahan, bukan setakat di bawah kementerian saya sahaja. Hanya untuk beli rumah, akan dikeluarkan daripada senarai CCRIS," katanya pada sidang media selepas pelancaran persidangan hartanah, 'Hi HOME' di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Abdul Rahman serta pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Hartanahbumi dotCom Sdn Bhd, Radzi Tajuddin.

CCRIS adalah sistem yang mengumpul semua maklumat kredit peminjam dan menjadi satu sumber maklumat digunakan institusi kewangan untuk mem-



**Ia membabitkan pembelian semua jenis perumahan, bukan setakat di bawah kementerian saya sahaja.**

**Zuraida Kamaruddin,**  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

bantu memeriksa sejarah kredit peminjam sedia ada atau bakal peminjam mereka.

Ia yang diuruskan oleh Biro Kredit Bank Negara Malaysia (BNM) bukan sistem yang menyenarai hitam peminjam seperti tanggapan sesetengah pihak. Antara maklumat yang akan terapar dalam laporan kredit CCRIS ialah pinjaman tertunggak, saman dan status muflis.